



**TATACARA MENGENAI BERKEMPEM DAN TATA ETIKA CALON PEMILIHAN  
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA MENURUT GARIS PANDUAN  
NO.14B SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**

**1. TUJUAN**

Tujuan Tatacara mengenai Berkempen dan Tata Etika Calon Pemilihan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ('MAPA') [selepas ini dirujuk sebagai "Tatacara"] ini adalah untuk mewujudkan amalan dan tatalaku dan etika yang terbaik semasa pemilihan MAPA semasa penularan Pandemik Covid-19 demi kepentingan dan kebaikan semua pihak.

**2. PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG**

- 2.1 Tatacara ini ialah panduan yang tertakluk kepada pemakaian semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan khususnya.
- 2.2 Semua mereka yang mengambil bahagian dalam pemilihan MAPA hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.

**3. TERAS TATACARA**

- 3.1 Teras Tatacara ini ialah peruntukan Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Wilayah atau Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Semasa Penularan Pandemik COVID-19 iaitu No.14B Suruhanjaya Koperasi Malaysia ('GP14B'), Undang-Undang Kecil ANGKASA (UUK) dan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Negeri ('MAN') dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ('MAPA').
- 3.2 **Fasal 5 UUK 24** menyatakan seperti berikut:

*"Lembaga ANGKASA boleh membuat apa-apa penentuan, selain daripada yang dinyatakan dalam Perintah Tetap, untuk memastikan Mesyuarat Agung Perwakilan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna termasuk tatacara mengenai berkempen dan tataetika calon".*

**4. PEMAKAIAN TATACARA**

- 4.1 Tatacara ini terpakai sepanjang tempoh pemilihan MAPA, iaitu dari Hari Penamaan Calon sehingga keputusan pemilihan MAPA diumumkan.

- 4.2 Tatacara ini terpakai bagi semua koperasi anggota, anggota koperasi, calon serta penyokongnya, pencadang atau wakil yang mengambil bahagian dalam pemilihan MAPA.

## 5. HARI PENAMAAN CALON MAPA (HPC)

- 5.1 Calon bersama penyokong dan pencadang hendaklah hadir sendiri atau secara ‘virtual’ pada HPC mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA.
- 5.2 Calon boleh mewakilkan urusan pencalonan termasuk memastikan semua borang pencalonan dan dokumen yang ditentukan Lembaga ANGKASA bagi tujuan pencalonan adalah tepat, teratur dan sempurna dan diserahkan pada masa yang ditentukan tetapi calon itu masih bertanggungjawab ke atas urusan pencalonannya.
- 5.3 Dalam tempoh Fasa Pelan Pemulihan Negara, perarakan oleh calon dan penyokong-penyokongnya ke Pusat Penamaan Calon pada Hari Penamaan Calon sama sekali tidak dibenarkan.
- 5.4 Hanya calon, pencadang dan penyokong atau mana-mana orang lain yang diberi kebenaran oleh JKWC boleh memasuki Bilik Penamaan Calon.

## 6. KEMPEN

- 6.1 Semua pihak dan penyokong calon hendaklah patuh kepada syarat tempoh berkempen dari Hari Penamaan Calon hingga pengisytiharan bermula pengundian oleh Pengerusi JKWC. Sebelum tempoh berkempen bermula, tidak boleh diadakan sebarang bentuk kempen (perhimpunan atau majlis ceramah atau pemasangan atau edaran bahan kempen);
- 6.2 Tidak boleh mengadakan sebarang ceramah terbuka, perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka melainkan jika mendapat permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan di mana aktiviti tersebut dijalankan;
- 6.3 Pengendalian kaedah berkempen hendaklah dibuat dalam suasana aman, tenteram dan teratur serta mematuhi undang-undang iaitu:
- Tidak berlaku apa-apa gangguan atau kekecohan ditimbulkan oleh mana-mana pihak tertentu;
  - Tidak berlaku apa-apa bentuk kecaman ke atas hal ehwal peribadi mana-mana calon, di khalayak umum yang mempunyai unsur-unsur berita palsu dan tidak benar, tohmalahan, fitnah ataupun tuduhan yang tidak berdasas;
  - Tidak ada apa-apa bentuk rayuan atau dorongan untuk mendapatkan sokongan berdasarkan unsur-unsur dan semangat perkauman atau keagamaan;
  - Apa-apa kritikan atau ulasan hendaklah tertumpu kepada persoalan dasar oleh calon serta isu-isu yang berkaitan dengan aspek pentadbiran.
- 6.4 Tidak boleh melakukan apa-apa tatalaku atau perbuatan (dalam bentuk lisan, tulisan atau apa-apa gambaran) yang boleh mencetuskan perasaan tidak senang, benci atau permusuhan antara kaum, agama atau budaya dalam kalangan perwakilan.

## **7. BAHAN KEMPEN**

- 7.1 Apa juga bahan kempen tidak boleh dipamerkan sebelum bermulanya masa sebenar tempoh berkempen;
- 7.2 Tidak boleh mempamerkan, memberikan atau mengedar bahan kempen dalam dewan mesyuarat MAPA. Bagi mesyuarat MAPA yang diadakan secara dalam talian, tele sidang (*tele-conference*) bahan kempen dalam apa jua bentuk tidak boleh diedar atau dipamer dalam mana-mana ruangan komen, *chatbox* yang boleh dilihat perwakilan dalam semasa dan sepanjang sesi mesyuarat MAPA berlangsung.
- 7.3 Tidak boleh mengganggu dengan apa cara sekalipun bahan kempen calon yang menjadi saingan;
- 7.4 Semua pihak hendaklah mematuhi Garis Panduan No.13 Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Garis Panduan mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi (GP13).

## **8. HARI MENGUNDI**

- 8.1 Berdasarkan GP14B, perjalanan MAPA dibuat secara “*virtual*” atau secara maya atau dalam talian. Oleh itu, semua calon, penyokong dan pencadang hendaklah:
  - a) Tidak boleh merayu undi sama ada bertujuan untuk menyokong atau menentang calon yang bertanding sebaik sahaja Pengerusi Mesyuarat mengumumkan MAPA berlangsung dengan rasminya;
  - b) Bekerjasama dalam memastikan proses pengundian dijalankan dengan aman, teratur dan mengikut undang-undang;
  - c) Patuh kepada peraturan dan arahan yang dikeluarkan;
  - d) Tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh dianggap sebagai merasuah atau membeli undi;
  - e) Tidak dengan apa cara jua pun menghalang, mengugut atau menakut-nakutkan perwakilan untuk mengundi;
  - f) Tidak mengibarkan sebarang bentuk bendera yang mempunyai simbol atau nombor calon pada latar belakang (*background*) calon semasa perjalanan MAPA; dan

## **9. PENGIRAAN UNDI**

- 9.1 Proses pengiraan undi bagi MAPA yang diadakan secara ‘*virtual*’ dibuat dan dijalankan menggunakan sistem kiraan undi dalam talian;
- 9.2 Tidak ada mana-mana pihak dibenarkan menghebahkan mana-mana keputusan pengiraan undi yang dijalankan sebelum diumumkan oleh Pengerusi Tetap;
- 9.3 Proses pengiraan ini dipantau dan dikawal selia oleh Juruaudit Luar yang dilantik.

## **10. PENGUMUMAN KEPUTUSAN**

- 10.1 Semua calon, penyokong dan pencadang hendaklah:
- a) Mengawal perasaan masing-masing bagi memastikan ketenteraman awam terpelihara semasa keputusan pemilihan diumumkan oleh Pengerusi Tetap;
  - b) Menunjukkan tatalaku yang baik dan saling menghormati calon lawan dan penyokongnya semasa keputusan diumumkan;
  - c) Tidak membuat sebarang tuduhan liar berkenaan dengan proses pengundian yang dijalankan. Sebarang rasa tidak puas hati hendaklah disalurkan melalui proses undang-undang.

## **11. ADUAN DAN TINDAKAN TERHADAP PELANGGARAN TATACARA**

- 11.1 Mana-mana pihak yang ingin membuat aduan tentang pelanggaran Tatacara kempen oleh mana-mana calon boleh memuat turun borang aduan yang disediakan di laman web ANGKASA di [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)
- 11.2 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan bukti-bukti dan diserahkan ke JKWC ANGKASA untuk tindakan selanjutnya.
- 11.3 Mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana perkara yang dinyatakan dibawah Tatacara ini boleh diambil tindakan sewajarnya yang difikirkan perlu oleh JKWC.

## **12. PELAKSANAAN TATACARA KEMPEN DAN ETIKA CALON PEMILIHAN MAPA SECARA ‘HYBRID’ ATAU ‘VIRTUAL’**

- 12.1 Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi No.14B - Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Wilayah Atau Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Semasa Penularan Pandemik Covid-19 menyatakan mengenai pelaksanaan kaedah dan tatacara perjalanan MAPA boleh dibuat secara ‘*hybrid*’ atau ‘*virtual*’. Oleh itu, mana-mana peruntukan dalam Tatacara ini boleh menggunakan pelaksanaan secara ‘*hybrid*’ atau ‘*virtual*’ mengikut kesesuaian dan suai manfaat yang ditentutan oleh Lembaga ANGKASA.

## **13. PINDAAN, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN TATACARA**

- 13.1 Semua perwakilan hendaklah mematuhi Tatacara ini berkuatkuasa pada tarikh Tatacara ini diluluskan oleh Lembaga ANGKASA dan sebarang pindaan atau perubahan atau pembatalan akan dimaklumkan dari masa ke semasa setelah diluluskan oleh Lembaga ANGKASA.

Tatacara ini telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan Bil.10/2021 pada 30 Oktober 2021.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**



**HASNAN BIN HJ. MUSTAPHA**

**Setiausaha Eksekutif**

b/p Pengurus

Jawatankuasa Kesahihan Wakil & Calon (JKWC)

Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA